

08/09/2000

Malaysia disaran tumpu bidang, sektor teras

CYBERJAYA, Khamis - Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) mengesyorkan supaya Malaysia menumpukan kepada bidang dan sektor teras selain membangunkan teknologi yang diperlukan bidang berkenaan.

Saranan itu dibuat kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika sesi maklum balas ahli dan wakil IAP yang dipengerusikan Perdana Menteri, hari ini.

Perubahan hala tuju Koridor Raya Multimedia (MSC) kepada sektor teras itu dikata dapat menjamin pertumbuhan MSC sendiri selain meningkatkan pelbagai bidang lain, terutama pembuatan dan pertanian.

"Permintaan Perdana Menteri itu bertujuan supaya lebih ramai pelabur datang selain memastikan pertumbuhan MSC lebih mantap serta pantas," kata Setiausaha IAP, Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, selepas mesyuarat IAP ke-4 hari pertama di sini, petang ini.

Beliau berkata, antara bidang yang boleh diberi tumpuan yang mana Malaysia sudah mempunyai kepakaran ialah perusahaan, pembuatan, pertanian serta bioteknologi.

"Adalah mustahil syarikat kita bersaing dengan pemain global. Oleh itu, kita akan memberi tumpuan kepada kebolehan yang ada, dengan lebih fokus.

"Misalnya, kekuatan kita dalam perusahaan selain pertanian dan berkembang ke bioteknologi yang juga bidang baru selain dapat memperbaiki produktiviti di samping membangunkan aplikasi berkaitan," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir menggesa pelabur supaya tidak membuat kesimpulan umum mengenai ekonomi Malaysia dengan melihat perkembangan ekonomi serantau.

Katanya, penjelasan Perdana Menteri berhubung pertumbuhan suku pertama tahun ini dan sepanjang tahun lalu berjaya menarik minat ahli IAP yang kagum pencapaian negara.

Dr Othman Yeop yang juga Pengerusi Eksekutif Multimedia Development Corporation Sdn Bhd (MDC) berkata, panel juga menggesa negara melatih kepakaran bidang pemasaran bagi membolehkan usahawan tempatan menjadi pemain global.

Beliau berkata, usahawan juga perlu memahami keperluan pasaran berbeza seperti di Jepun, Amerika Syarikat dan Eropah.

Katanya, turut dibincang ialah bidang telekomunikasi bagi generasi ketiga iaitu sama ada Malaysia perlu membuat lebih banyak pelaburan dalam sektor talian tetap atau talian bergerak.

Ditanya sama ada kerajaan akan menerima pandangan serta syor yang dibuat ahli IAP, beliau berkata, perkara itu akan diteliti selepas mesyuarat berakhir Sabtu ini.

"Kerajaan (Malaysia) terbuka ... Perdana Menteri terbuka. Kita akan meneliti semula semua cadangan yang dibuat. Jika kita fikir berguna dan mampu kita laksanakan, kita akan laksanakan.

"Sehingga kini, kita mengambil kira kepada perakuan yang dibuat dalam mesyuarat IAP tahun lalu dan sebelumnya," katanya.

Namun katanya, MSC akan memberi tumpuan kepada tiga bidang seperti dinasihatkan panel berkenaan.

Bidang itu ialah pembangunan teknologi Internet kelajuan tinggi, akses sama rata dan pembangunan aplikasi termasuk kandungan.

(END)